

Kerajaan Diminta Pertimbang Kemudahan Loker Di Sekolah
Bernama
23 Ogos, 2012

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Kerajaan Khamis diminta mempertimbangkan semula cadangan menyediakan kemudahan loker di sekolah, terutama sekolah rendah, bagi menangani isu beg sekolah berat.

Presiden Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN) Prof. Madya Datuk Dr Mohamad Ali Hassan berkata langkah itu juga boleh mewujudkan sistem persekolahan yang lebih sistematik.

"Memang ada beberapa cadangan dikemukakan dan Kementerian Pelajaran sendiri, pihak sekolah, terutamanya ibubapa dan guru, sedar mengenai perkara ini...kerana kesannya melibatkan jangka masa panjang. Ia tidak baik kepada kesihatan dan postur kanak-kanak," katanya kepada Bernama.

Mohamad Ali berkata beg berat turut menggambarkan sistem persekolahan yang tidak teratur dari segi jadual kerana murid harus membawa kesemua buku ke sekolah setiap hari.

"Jadi jalan keluar, antara lain adalah dengan menyediakan loker di sekolah, seperti kebanyakan sekolah di luar negara," katanya dan menambah kata terdapat pelbagai mekanisme untuk melaksanakan usaha itu bagi mengurangkan beban kos kerajaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=689488>